

MAULIDUR RASUL SEMARAK CINTAKAN NABI SAW

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ^ط وَمَنْ تَوَلَّىٰ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾

(Surah An-Nisaa', ayat 80)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَىٰ بِهِدَاهِمُ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Manusia terbaik adalah yang mempunyai sifat-sifat terpuji. Manakala manusia yang paling buruk adalah mereka yang bersifat keji.

Oleh itu, didik dan latihlah diri menjadi insan yang baik dan terpuji dengan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dalam erti kata melaksanakan apa yang disuruh-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya. Sesungguhnya kesudahan yang baik bagi orang yang bertaqwa kepada Allah SWT.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sudah menjadi tradisi, setiap tahun, tepatnya tanggal 12 Rabiul Awal, umat Islam di seluruh dunia memperingati hari ulang tahun maulidnya Nabi Muhammad SAW. Walaupun tiada nas untuk memperingati hari kelahiran Baginda, namun memahami sejarah perjuangan dan dakwah Baginda selama 23 tahun menyebarkan agama Islam adalah penting dan sangat dituntut dalam kerangka mencintai dan mentaati Nabi SAW.

Ini kerana, Rasulullah SAW adalah suri teladan kita semua. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”* (S. Al-Ahzab: 21).

Rasulullah SAW menjadi contoh terbaik buat kita kerana baginda adalah manusia biasa dan hidup dan berjuang secara manusiawi. Rasulullah SAW menjadi contoh dalam kehidupan kita kerana peribadi Baginda lengkap dan sempurna.

Maknanya, kalau kita seorang pemimpin, Baginda juga seorang pemimpin. Jika kita seorang panglima tentera, Baginda juga memimpin tentera di medan perang. Kalau kita seorang ketua rumah tangga, baginda juga mempunyai isteri dan anak-anak. Sekiranya kita seorang guru, Baginda juga mengajar jemaah di masjid. Kalau kita seorang peniaga, Baginda juga adalah seorang peniaga yang jujur. Dan, jika kita seorang mubaligh, Baginda juga berdakwah menyampaikan Islam kepada manusia.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Bagi umat Islam, tiada suatu nikmat lain yang lebih besar daripada kelahiran dan pengutusan junjungan besar Nabi Muhammad SAW ke alam maya ini. Ini kerana, bermula dari detik kelahiran Baginda SAW pada tanggal 12 Rabiulawal Tahun Gajah bersamaan 20 April tahun 571 Masihi, seribu satu macam perubahan berlaku kepada kehidupan manusia.

Daripada penyembahan kepada berhala bertukar kepada mengabdikan diri kepada Allah SWT; daripada sibuk berperang sesama sendiri bertukar kepada menyibukkan diri dengan ibadah-ibadah yang dituntut; daripada bergelumbang dengan dosa dan perbuatan keji jahiliah bertukar kepada berpegang dengan nilai akhlak Islam seperti saling menghormati dan bertolak ansur sesama manusia.

Justeru, majlis sambutan Maulidur Rasul adalah hal yang amat digalakkan sebagai wadah bagi melahirkan kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW. Kita dituntut mencintai Baginda SAW kerana kita tidak akan merasai kemanisan iman yang sebenar melainkan Rasulullah SAW dijadikan orang paling dikasihi selepas cinta terhadap Allah SWT.

Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: *“Sesiapa yang memiliki tiga perkara ini akan dapat merasai kemanisan iman, iaitu cinta kepada Allah dan Rasul lebih daripada segala-galanya. Kedua, menyintai seseorang kerana Allah dan takut kembali kepada kekufuran setelah Allah menyelamatkannya seperti dia benci untuk dilemparkan dalam api neraka yang panas.”* (HR Bukhari dan Muslim).

Dengan kata lain, untuk mengzahirkan kecintaan kepada Allah SWT hendaklah mengikut Nabi Muhammad SAW. Ini selaras dengan firman Allah SWT:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Yang bermaksud: *“Katakanlah (wahai Muhammad): Jika kamu benar mengasihi Allah maka ikutlah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”* (S. Ali-Imraan: 31).

Sehubungan itu, dalam sabdanya yang lain, Rasulullah SAW menegaskan: *“Demi nyawaku di tangan-Nya, tidak beriman seseorang kamu sehingga aku menjadi orang yang dia kasihi melebihi kasihnya terhadap ayah, ibu dan semua makhluk yang lain.”* (HR Bukhari).

Dengan hal yang demikian, kita sebagai umatnya mesti meletakkan kecintaan terhadap Baginda di puncak rasa cinta. Ia membawa erti bahawa umat Islam mestilah patuh dan taat menurut segala sunnah Rasulullah SAW dan tidak melakukan penyelewengan terhadap aturan kehidupan sebenar seperti yang digariskannya.

Ini adalah satu perintah yang manfaatnya semata-mata untuk kepentingan manusia sendiri, dan bukannya untuk kepentingan Allah SWT atau Rasul-Nya. Hal ini sejajar dengan apa yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

Yang bermaksud: *"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, supaya kamu diberi rahmat."* (S. Ali-Imraan: 132).

PARA JEMAAH YANG MULIA,

Kecintaan adalah neraca kecenderungan terhadap sesuatu. Kecintaanlah yang menyebabkan seseorang membenarkan dan mengikuti sesuatu yang dicintainya.

Ini bererti, apabila kita dapat meletakkan rasa cinta dan kasih kepada Rasulullah SAW di puncak, kita akan tertarik kepada akhlak serta peribadi Baginda. Keadaan ini akan mendorong kita untuk mengambil tahu secara mendalam tentang diri Baginda yang mencakupi aspek kehidupan peribadi, keluarga, hubungan sesama Muslim dan lain-lain lagi. Dari situ, akan timbul minat serta kesungguhan untuk meneladani dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Kecintaan seorang hamba kepada Allah SWT dan Rasul SAW adalah dengan mengikuti dan mentaati segala arahan dan perintahnya. Manakala kecintaan Allah SWT kepada para hamba-Nya ialah dengan memberikan limpahan keampunan dan pelbagai ganjaran lain menurut peraturan dan undang-undang-Nya.

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ
وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا ﴿٦١﴾

Maksudnya: *"Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang siddiqin, dan orang yang syahid, serta orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang yang taat)."* (S. An-Nisaa': 69).

Justeru, sebagai manusia yang beriman dan mentaati Allah SWT dan Rasul-Nya, sudah pasti kita sentiasa merasai kehadiran Rasulullah SAW biarpun pada hakikatnya Baginda sudah lama meninggalkan kita. Saban waktu, namanya tak lekang dari bibir dan tak lapuk dari hati kita disebabkan begitu hampirnya Rasulullah SAW dalam kehidupan kita ini.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam rangka meningkatkan kecintaan kepada Nabi SAW, Baginda menyarankan agar umat Islam mendidik diri supaya cintakan Baginda, keluarganya selain membaca kitab suci al-Quran. Ini sebagaimana sabdanya yang bermaksud: *"Didiklah anakmu dengan tiga sifat, iaitu cintakan Nabimu, cintakan keluarganya dan membaca al-Quran."* (HR At-Thabrani).

Sabda Baginda lagi, maksudnya: *"Sesiapa yang mentaatiku, maka dia telah mentaati Allah dan sesiapa yang menderhakaiku, maka dia telah menderhakai Allah. Begitu juga sesiapa yang mentaati petugasku, maka dia telah mentaatiku dan sesiapa yang menderhakai petugasku, maka dia telah menderhakaiku."* (HR Bukhari).

Oleh itu, perlu disedari walau bagaimana tinggi sanjungan dan ingatan kita kepada Rasulullah SAW, selama-lamanya pun tidak dapat menandingi jasa dan kelebihan rahmat dan petunjuknya kepada kita. Inilah sebabnya maka kita bukan sahaja dianjurkan supaya mencontohi keseluruhan hidupnya, malah kita juga dituntut supaya sentiasa berpegang kepada al-Quran dan sunnahnya supaya tidak sesat dan disesatkan oleh mereka yang anti Islam.

Begitu juga, kita dianjurkan supaya mentaati para ulama yang merupakan pewaris Nabi-nabi. Selanjutnya, kita dianjurkan supaya sentiasa berselawat dan mengucapkan selamat kepadanya untuk kebaikan kita sendiri.

Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya." (S. Al-Ahzab: 56).

SAUDARA MUSLIMIN SEKALIAN,

Sesungguhnya, sebaik-baik yang ada di dunia ini adalah keimanan yang benar, akhlak yang terpuji, akal yang sihat, fizikal yang kuat dan rezeki yang halal mencukupi dan memuaskan. Adapun semua yang lain adalah kesibukan yang sia-sia.

Sehubungan itu, bersempena perayaan Maulidur Rasul tahun ini, umat Islam hendaklah bangkit mempertahankan kesucian Islam dan umatnya dengan kembali berpegang dengan ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Sesungguhnya tiada jalan pintas untuk masuk ke syurga dan berjaya sebagai ummah yang dihormati dan disegani melainkan mengikut segala ketetapan agama dan peraturan syariat.

Firman Allah SWT:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan gtapak pendirian kamu." (S. Muhammad: 7).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah